


Headline **Penyelidikan HIV?AIDS berterusan**
Date **26 May 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **29**
Article Size **139 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,209**
PRValue **3,626**



Penyelidikan HIV/AIDS berterusan

DI seluruh dunia, kajian dan penyelidikan tentang ancaman HIV/AIDS tidak pernah berhenti. Di makmal Inisiatif Vaksin AIDS Antarabangsa di Brooklyn, New York, Amerika Syarikat (AS), usaha mencari jalan penyelesaian dan penciptaan vaksin HIV/AIDS giat dijalankan.

Makmal tersebut sudah banyak berjasa kepada dunia perubatan global kerana sering dirujuk dalam penghasilan vaksin penyakit dan juga agen imunobiologi yang berkesan.

Tahun lalu, para penyelidik di makmal tersebut telah menerbitkan kertas kerja yang antara lain menyebut tentang penemuan lapisan lemah di atas permukaan virus HIV yang menyebabkan AIDS. Penemuan tersebut dijangka menjadi mercu tanda dalam pencapaian kajian yang seumpamanya terhadap virus tersebut.